

07/10/2002

Siasatan terhadap tokoh bukan untuk perlekeh

KUALA LUMPUR, Ahad - Siasatan terhadap sesuatu kes yang membabitkan orang kenamaan atau tokoh usahawan, bukan berniat memperlekehkan mereka, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, siasatan itu bertujuan menentukan keadilan dan pihak terbabit akan didakwa setelah mendapat bukti yang cukup.

"Pada masa itu, bolehlah kita tahu siapa yang benar, siapa yang tak benar. Sebab itu saya kata, kalau kita nak siasat, sampai ke mana-mana pun, kita bukan dengan hajat nak memperlekehkan orang tertentu," katanya selepas merasmikan Perhimpunan Agung Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP) ke-49 di sini, hari ini.

Beliau mengulas saranan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim bahawa sebuah badan pemantau mungkin ditubuh bagi memastikan polis segera menyiasat setiap aduan, tiada kes diperap lama tanpa didakwa dan keputusan hakim mestilah.

Laporan muka depan Berita Harian, Khamis lalu memetik Rais sebagai berkata bahawa begitu banyak laporan orang ramai di balai polis membabitkan kes jenayah dan penyelewengan yang masih tersadai tanpa tindakan susulan.

Dr Mahathir berkata, beliau akan berbincang dengan Rais mengenai perkara itu.

Bagaimanapun, katanya, siasatan terhadap mana-mana kes boleh dijalankan tetapi kadang-kala siasatan itu mengambil masa.

"Kadang-kadang ada kesulitan tertentu dan juga kita harus ingat bahawa polis menerima banyak laporan. Mereka (polis) perlu memberi keutamaan kepada laporan tertentu. Jadi itu adalah tanggungjawab polis," katanya.

Mengenai kemungkinan badan pemantau seumpama itu perlu segera ditubuhkan kerana ada kes tertentu yang menarik perhatian umum belum diselesaikan dan orang ramai tidak tahu kemajuan siasatannya seperti penyelewengan dalam Penerbangan Malaysia (MAS) dan syarikat keluli, Perwaja Steel Sdn Bhd (Perwaja), Dr Mahathir berkata, siasatan itu mengambil masa.

"Yalah benda itu kalau kita boleh bawa sampai ke mahkamah, kita cukup bukti, masa itu kita tahulah. Tapi media nak tahu supaya orang tertentu ini mesti ditekan pasal media sudah buat pengadilan sebelum apa-apa lagi, kita tak boleh buat macam itu," katanya.

Mei lalu, Rais mengkritik pihak berkuasa yang bersikap 'hangat-hangat tahi ayam' ketika menjalankan siasatan kes pecah amanah membabitkan individu atau organisasi tertentu.

Ketika itu, Rais dipetik sebagai berkata ada beberapa kes yang menarik perhatian umum pada awal siasatan tetapi akhirnya senyap begitu saja walaupun wujud bukti penyelewengan.

Antara kes yang mendapat perhatian ialah dakwaan penyelewengan RM36.5 bilion daripada Program Pembangunan Rakyat Termiskin (PPRT), pengurusan tidak mengikut peraturan membabitkan MAS dan pelaburan berjumlah RM201 juta yang dibuat bekas panel pelaburan Lembaga Tabung Haji menerusi Metrowangsa Asset Management.